

UUM CAREER FAIR 2017 APPRECIATION DINNER

Hal Ehwal Pelajar

Sun 08/10/2017 10:10 AM

To:UUM - All Staff <uumnet@uum.edu.my>; UUM - All Students <studentnet@uum.edu.my>;

Cc:Azhar B Anis Mohammad <azhar@uum.edu.my>; Dr. Mohd Dino Khairri Bin Shariffuddin <dino@uum.edu.my>; Mohd Ashari B Yaakub <ashari@uum.edu.my>; Dr. Awan Bt Ismail <awan@uum.edu.my>; HEP - Pusat Pembangunan Kerjaya <hep.kerjaya@uum.edu.my>;



8 OKTOBER 2017, AHAD | 17 MUHARAM 1439H

UUM CAREER FAIR 2017 APPRECIATION DINNER HARGAI PENGLIBATAN SUKARELAWAN PUSAT PEMBANGUNAN KERJAYA



UUM Career Fair 2017 Appreciation Dinner yang berlangsung di Hotel EDC & Resorts UUM merupakan majlis pengiktirafan kepada para sukarelawan UUM Career Fair 2017.

UUM Career Fair 2017 Appreciation Dinner bertujuan untuk memberi penghargaan terhadap sumbangan dan komitmen yang diberikan oleh jawatankuasa, pelaksana dan jawatankuasa kerja pelajar semasa UUM Career Fair 2017 yang telah berlangsung dua kali pada tahun ini. Majlis ini dihadiri oleh Timbalan Naib Canselor, Yang Berbahagia, Profesor.Dr.Abdul Malek Haji Abdul Karim, dekan-dekan, Timbalan Dekan Pembangunan Pelajar & Alumni dan Pengarah Pusat Pembangunan Kerjaya (CDC), Dr. Awan Ismail. Profesor Dr.Abdul Malek Haji Abdul Karim berkata program UUM Career Fair 2017 telah berjaya diadakan pada tahun ini atas bantuan dan kerjasama yang diberikan oleh jawatankuasa, pelaksana dan jawatankuasa kerja pelajar yang terlibat.

Ujarnya, lebih 15 syarikat, antaranya Shell, McDonald, Popular Book dan Maybank yang menyertai program ini merupakan hasil usaha gigih CDC menjemput mereka.

Tambah Prof. Dr. Abdul Malek lagi “Program seumpama ini banyak memberikan manfaat kepada pelajar dan diharap para dekan, pensyarah dan pelajar memberikan komitmen yang jitu untuk menghebahkan secara meluas mengenai program ini pada masa akan datang.”

UNIT PENERBITAN, MEDIA DAN PENYELIDIKAN

JABATAN HAL EHWAL PELAJAR, UNIVERSITI UTARA MALAYSIA, 06010 UUM SINTOK, KEDAH
Website: www.hep.uum.edu.my | Emel: hep@uum.edu.my | Facebook: <https://www.facebook.com/hep.uum>





Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.